

Agong Berangkat ke Forum Perdana Diraja Sempena Hari Keputeraan Baginda Bernama
Jun 12, 2014

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah malam ini berkenan berangkat ke Forum Perdana Diraja di Istana Negara.

Forum diadakan sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan rasmi Seri Paduka Baginda tahun ini.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Antara tetamu kenamaan lain yang hadir ialah Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Forum bertajuk 'Inspirasi Amirul Mukminin' anjuran Jabatan Perdana Menteri bersama Istana Negara itu dihadiri kira-kira 600 penonton jemputan dan disiarkan secara langsung menerusi TV1.

Ia menampilkan tiga ahli panel terkemuka iaitu Mohamad Kazim Elias Al-Hafiz atau lebih dikenali sebagai Ustaz Kazim, Ustaz Badlishah Alauddin daripada Jabatan Agama Islam Pahang dan pensyarah Universiti Teknologi Malaysia Ustazah Norhafizah Musa.

Intipati forum selama sejam setengah bermula 9 malam itu antara lain menekankan tanggungjawab dan peranan seorang pemimpin mempertahankan akidah Islam, kepentingan pemimpin berlaku adil serta amanah dengan memberi contoh teladan baik sewaktu zaman pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin seperti kepimpinan Khalifah Umar Al-Khattab.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045851>